

Headline	70,000 meter elektrik diganti		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	31 Aug 2013	Color	Black/white
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	104 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 416
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,248



70,000 meter elektrik diganti

KUANTAN-- Tenaga Nasional Berhad (TNB) menggantikan lebih 70,000 meter elektrik lama kepada meter digital yang baru di seluruh Pahang.

Pengurus Besar TNB Pahang, Datuk Ir Sharuddin Simin berkata, jumlah keseluruhan meter elektrik di negeri itu adalah 400,000.

Menurutnya, penukaran itu bagaimanapun hanya melibatkan meter-meter lama melebihi mengikut tempoh ditetapkan.

"Kita jangka kira-kira 4,000 lagi meter lama akan ditukar menjelang penghujung tahun ini," katanya pada majlis sambutan Hari Raya TNB Pahang di sini, semalam.

Sharuddin berkata, ada juga meter yang ditukar baru terpaksa diganti semula kerana mengalami kerosakan.

"Kira-kira 1,000 meter baru terpaksa digantikan semula kerana rosak," katanya.

Dalam perkembangan lain beliau berkata, secara purata, pihaknya menerima 25 aduan sebulan daripada pengguna berkenaan masalah elektrik.

"Antara aduan itu termasuk peningkatan bil elektrik secara mendadak yang didakwa disebabkan meter rosak."

"Bagaimanapun setelah disiasat dilakukan masalah itu disebabkan meter tetapi akibat penggunaan barang elektrik lama yang menyumbang kepada peningkatan penggunaan elektrik," katanya.

Beliau berkata, mengikut prosedur Operasi Standard Tenaga, meter digital perlu ditukar setiap 10 tahun, dan kosnya dibayai TNB.